

01 MAY 2003

Khalil-Economist

K'JAAN HANTAR SENARAI KESALAHAN FAKTA KEPADA THE ECONOMIST

KEPALA BATAS, 1 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan mengemukakan senarai kesalahan fakta dalam laporan majalah The Economist kepada penerbitnya sebagai bantahan terhadap laporan yang disiarkan, kata Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Senarai kesalahan itu sedang dihantar sebagai bantahan rasmi, katanya ketika diminta mengulas keengganan The Economist yang bertegas tidak akan mohon maaf seperti yang dituntut pemimpin Malaysia berikutan laporannya memperkecilkan sumbangan dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata keengganan majalah itu untuk memohon maaf kerana berpendapat ia tidak membuat kesalahan.

"Kita akan memberitahu mereka apa fakta-fakta yang salah daripada artikel yang ditulis dan akan bertindak seterusnya atas reaksi mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis penutup Multaqa Islam Hadhari Menurut Nazrah Ulama peringkat negeri oleh Yang diPertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas di sini.

Konvensyen sehari itu dianjurkan Jabatan Hal Ehwal Khas Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

Christopher Lockwood, penulis rencana khas "The Changing of The Guard: A Survey of Malaysia" keluaran 5-11 April, yang mendapat bantahan ramai itu, dilaporkan sebagai berkata tindakan untuk memohon maaf tidak perlu dan akan tetap dengan pendirian rencananya itu.

Dalam jawapan menerusi e-mel kepada sebuah akhbar berbahasa Malaysia semalam, Lockwood berkata setakat ini dia belum menerima sebarang aduan daripada mana-mana pihak termasuk kerajaan Malaysia mengenai laporan setebal 13 halaman itu yang memberi komen pelbagai isu, dasar dan program kerajaan di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

NH RON